



"Ahli keluarga pesakit akan dibenarkan menginap selama seminggu mengikut kepada keperluan"
Suraiyah Harun

RM5 SEHARI

Rumah Perantaraan Flat Sri Labuan PPUKM ringan beban keluarga pesakit

Sulati Asri
suliatihmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Kami hanya membayar RM5 sehari untuk sebuah rumah yang bukan saja selesa malah dekat untuk berulang alik ke hospital.

"Caj yang dikenakan memang berpatutan dan ia banyak membantu meringankan beban keluarga berpendapatan rendah dan berasal dari luar Lembah Klang seperti kami," kata Siti Aishah Wahab, 34.

Ibu kepada tiga anak dari Terengganu itu adalah keluarga yang menghuni Rumah Perantaraan Flat Sri Labuan yang disediakan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di Cheras, di sini.

Siti Aishah menggunakan kemudahan bantuan Rumah Perantaraan itu bagi menemani suaminya yang menjalani rawatan pembedahan membuang ketumbuhan dalam saluran antara hati dan hempedu di hospital terbabit.

Menurut Siti Aishah, rumah perantaraan itu juga lengkap dengan pelbagai kemudahan tidak ubah seperti rumah sendiri.

Katanya, anak-anaknya yang sering datang ke ibu kota untuk melawat ayah mereka selesa jika ditinggalkan di rumah ketika dia menemani suami di wad.

"Jika mereka meragam sekalipun, saya boleh balik menjenguk

kerana jarak rumah ke hospital dekat dan boleh berjalan kaki saja.

"Saya sekeluarga berterima kasih kepada pihak hospital kerana menyediakan kemudahan berkenaan.

"Tanpa rumah perantaraan seperti ini, anak-anak tidak dapat melawat ayah mereka selalu kerana jarak hospital dengan rumah sangat jauh selain perlu membayar sewa hotel yang mahal untuk tempoh yang lama," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan PPUKM Suraiyah Harun berkata, rumah perantaraan yang diwujudkan sejak 1998 itu dibuka kepada pesakit dan ahli keluarga yang tinggal di luar Lembah Klang serta menghadapi kesukaran mendapatkan penginapan sementara pesakit dalam proses rawatan di PPUKM.

Kata Suraiyah, doktor akan merujuk kepada jabatannya dan bergantung kepada kekosongan yang ada.

"Ahli keluarga pesakit akan dibenarkan menginap selama seminggu mengikut kepada keperluan.

"Jika memerlukan penginapan lagi lama, mereka boleh sambung penginapan tanpa membuat permohonan baru," katanya.

Menurut Suraiyah, selain bantuan Rumah Perantaraan, jabatannya juga menyediakan pelbagai perkhidmatan bagi membantu pesakit termasuk sokongan emosi, perantara antara agensi bantuan, informasi dan khidmat nasihat kemudahan dalam komuniti serta perancangan discaj.

"Kami juga membantu mengatasi masalah psikososial pesakit-pesakit mengikut keperluan dan jenis penyakit berasaskan kepada konsep penjagaan pesakit secara menyeluruh.

"Kes seperti ibu tanpa nikah, berpenyakit kronik, mangsa rogol, penderaan kanak-kanak, masalah kos buat atau alatan khas serta keganasan rumah tangga juga dikendalikan Jabatan Kerja Sosial Perubatan," katanya.

KAKITANGAN Jabatan Kerja Sosial PPUKM Irham Abdullah melakukan persiapan untuk waris pesakit yang bakal memasuki rumah perantaraan.



“

Tanpa rumah perantaraan seperti ini, anak-anak tidak dapat melawat ayah mereka selalu kerana jarak hospital dengan rumah sangat jauh selain perlu membayar sewa hotel yang mahal untuk tempoh yang lama"

Siti Aishah Wahab